



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/12/27_70 (HQ)

KERJASAMA STRATEGIK TNB-TRINA SOLAR PACU KEMAJUAN SOLUSI TENAGA BERSIH

- GSPARX - Trina Solar bergabung raih peluang perniagaan sistem solar atas bumbung, terapung dan atas tanah, sekali gus bantu Malaysia menuju masa depan sifar bersih.
- Kerjasama mempromosi penyelesaian tenaga solar di Malaysia itu selaras objektif Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan momentumnya dalam memacu peralihan tenaga mampan melalui kerjasama strategik anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd dengan penyedia solusi tenaga pintar dan solar fotovoltaik (PV) global, Trina Solar.

Kerjasama ini dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai langkah penting ke arah memanfaatkan penyelesaian tenaga solar merangkumi sistem atas bumbung, terapung dan di atas tanah.

"Kerjasama ini menyerlahkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi untuk mempercepatkan matlamat peralihan tenaga Malaysia," tegas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din.

"Kolaborasi TNB dengan Trina Solar adalah penting dalam memanfaatkan potensi solar Malaysia dan memacu agar kami lebih cepat menuju sasaran Sifar Bersih 2050 melalui amalan yang mampan," tambahnya.

Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri dan Pengurus Besar - Asia Tenggara, Trina Solar Energy Development, Elva Wang bertukar dokumen MoU dengan disaksikan Nik Nazmi Nik Ahmad yang ketika itu menjadi Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (NRECC).

Berikutan keyakinan sebagai rakan kongsi perniagaan solar atas bumbung TNB sejak 2019, kerjasama Trina Solar dengan GSPARX ini mahu mengukuhkan keupayaan teknikal dan mengatasi cabaran dalam projek solar atas bumbung. Penjajaran strategik ini bertujuan meraih peluang perniagaan merentasi sistem solar atas bumbung, terapung dan atas tanah, sekali gus menandakan kemajuan ketara dalam mengembangkan pasaran PV di Malaysia.

Selain inisiatif solar, GSPARX dan Trina Solar akan bekerjasama untuk meneroka penyelesaian grid pintar yang inovatif, termasuk teknologi penyimpanan tenaga, mengukuhkan lagi komitmen mereka terhadap teknologi lestari yang termaju.

Baharin berkata, “Kerjasama dengan Trina Solar menterjemahkan komitmen terhadap transformasi mampan dan penjagaan alam sekitar. Inisiatif ini bukan sahaja mengukuhkan kepimpinan TNB dalam memacu peralihan tenaga yang mementingkan alam sekitar tetapi juga membuka pintu kepada pelbagai peluang sambil memupuk inovasi teknologi. Kerjasama strategik ini merangkumi dedikasi tanpa henti TNB untuk membentuk semula landskap tenaga Malaysia demi masa depan yang lebih baik dan cerah.”

TNB yang telah menerajui industri tenaga elektrik selama tujuh dekad, menjadi penggerak utama peralihan tenaga di Malaysia. Syarikat itu menganjak dalam komitmennya memacu tenaga boleh baharu (RE) pada skala besar dan inisiatif teknologi bersih, dengan menerajui tiga projek utama digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Pelan Peralihan Tenaga TNB sendiri adalah sejajar dengan NETR, menekankan tiga tonggak utama: mempercepatkan penyahkarbonan penjaanan, membangunkan grid rentas sempadan yang fleksibel, dan memperkasakan tenaga elektrik rentas sektor dan prosumer. Pada masa ini, TNB berada di landasan untuk mencapai sasaran RE 8.3 gigawatt (GW) menjelang 2025.

Kerjasama strategik di antara GSPARX TNB dan Trina Solar menetapkan peringkat untuk penyelesaian tenaga bersih yang inovatif dan menggariskan komitmen bersama dalam memacu perubahan yang memberi kesan dalam peralihan tenaga Malaysia.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Disember 2023, jam 11:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Elmie Fairul Mashuri, Pengarah Urusan GSPARX, dan Elva Wang, Pengurus Besar - Asia Tenggara, Trina Solar Energy Development, menyempurnakan pertukaran MoU itu, disaksikan oleh Nik Nazmi Nik Ahmad (tengah) yang ketika itu menjadi Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Mengiringi majlis ini ialah Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (kanan), dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (kiri), menandakan lonjakan kerjasama ke arah memajukan inisiatif tenaga lestari.